



Ruj. Kami : JANM.BPPP(S).500-3/10/1 Jld.3(08)

Tarikh : 1 Mac 2019

Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERKHIDMATAN PERAKAUNAN DI BAWAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang dalam proses mengumpul maklumat bagi urusan pertimbangan kenaikan pangkat Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Perakaunan di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang telah **memangku pada 30 Jun 2018 dan sebelum**.

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dicetak hanya melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM). Untuk membuat permohonan, pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak online melalui ePerkhidmatan Kenaikan pangkat (e-Borang JANM/K1);
- 3.2 Salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini;
- 3.2 Salinan Surat Penempatan Pemangku;
- 3.3 Salinan LNPT bagi 3 tahun terkini; dan
- 3.4 Keputusan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang layak di bawah seliaan tuan/puan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebelum atau pada 15 April 2019 di alamat :

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No.1 Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
62510 W.P.PUTRAJAYA
(u.p : Urusetia Kenaikan Pangkat)


5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :-

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan (@anm.gov.my)
1.	Encik Mohd Naszeri bin Jaiman	03-88821037	naszeri
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" Peningkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi "

Saya yang menjalankan amanah,



(CHE WAN MUHAMMED SALLEH BIN WAN ADNAN)
Bahagian Pembangunan Perakaunan
Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara Malaysia
Tel : 03-8882 1100
Email : salleh.adnan@anm.gov.my

s.k : ANM

TAN (O)

TAN (K)

P (BPPP)

TP (SKPSM)

KPPK (SKPSM) 1

KPP (SKPSM) 1